BENGKEL RANCANGAN AUDIT TAHUN 2027, UNIT AUDIT DALAM PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

JERANTUT, 4 November 2026 - Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang melalui Unit Audit Dalam telah menganjurkan Bengkel Rancangan Audit Tahun 2027 pada 28 hingga 30 Oktober 2026 bertempat di Hotel Darul Makmur, Jerantut.

Bengkel Rancangan Audit 2027 dianjurkan untuk menyelaraskan hala tuju Audit berlandaskan hala tuju strategik Kerajaan Negeri Pahang. Selain itu, mengenal pasti dan menilai risiko utama di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi menentukan skop Audit yang perlu diutamakan pada tahun 2027.

Bengkel tersebut telah dipengerusikan oleh Ketua Unit Audit Dalam, Encik Abid bin Abdul Jalil dan disertai oleh pegawai dan kakitangan dari Unit Audit Dalam.

Bengkel ini diharap dapat menyediakan Rancangan Audit Tahun 2027 yang komprehensif, realistik serta menyokong keputusan pengurusan tertinggi Negeri. Rancangan Audit Tahun 2027 ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bilangan 4 Tahun 2026 yang akan datang.

#MajuTerusPahang

#Pahang1st









